

'IQD AL-JUMAN FI TAQWIM TADABBUR AL-QURAN. Oleh: Dr. Muhammad 'Inayatullah Asad Subhani. 2016. Jordan: Dar Ammar. Halaman: 240.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar." (QS 38:29)

Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Saad ayat 9, salah satu sifat al-Quran ialah 'mubarak' yang bererti diberkati. Berkat ertinya faedah atau manfaat yang tersebar dengan banyak walaupun pada asalnya kelihatan sedikit. Dalam konteks al-Quran pula, ia merujuk kepada bilangan perkataan yang terkandung dalam kitab suci ini yang sedikit dan mampu dihitung, namun makna-makna yang terkandung dalamnya sangat banyak, berharga dan tidak terbatas. Justeru, semakin mendalam seseorang mentadabbur al-Quran maka semakin banyak faedah yang akan diperoleh (Ibn Asyur, 1997). Hal ini merangkumi ilmu yang bermanfaat, kemanisan dalam iman dan panduan untuk melakukan amal soleh. Tidak keterlaluan jika al-Quran diumpamakan seperti laut yang terkandung dalamnya segala perkara yang bermanfaat untuk sekalian manusia seperti ikan, mutiara, minyak petroleum dan lain-lain. Semakin dalam kita menyelami lautan maka semakin banyak hasil-mahsul yang berharga akan diperolehi.

Menyedari tentang kepentingan tadabbur dalam menggali makna al-Quran, maka buku ini mempersebahkan sembilan prinsip yang jika diamalkan secara konsisten, nescaya akan menghidupkan hati, membangkitkan kesedaran akal, mencerahkan minda dan meniupkan roh untuk beramal. Buku ini merupakan salah satu karya yang ditulis oleh Dr. Muhammad 'Inayatullah Asad Subhani (MIAS). Beliau dikenali sebagai ilmuwan yang meneruskan legasi ahli tafsir India yang terkenal, Abdul Hamid al-Farahi (wafat: 1349 H). Dalam dunia tafsir, al-Farahi merupakan pelopor teori *Nizam al-Quran* yang telah mengemukakan dimensi-dimensi baharu dalam ilmu tafsir dan ulum al-Quran. Teori ini telah memberi perspektifnya yang tersendiri dalam isu-isu yang bersifat fundamental dalam ulum al-Quran seperti perbahasan *nasikh* dan *mansukh*, *makki* dan *madani*, *asbab al-nuzul* dan lain-lain. Selain itu, teori ini juga telah memberi nafas baharu kepada ahli tafsir dalam memilih sesuatu pandangan. Dalam karya ini, MIAS telah membumikan teori *nizam al-Quran* dengan menukilkan pendapat al-Farahi kemudian membuat perbandingan dengan ulama-ulama tafsir yang lain seperti al-Zamakhshyari (wafat: 538 H), Ibn al-Jauzi (wafat 597 H), al-Razi (wafat: 606 H) dan Ibn Kathir (wafat: 774 H).

Matlamat asas buku ini adalah mengajak umat manusia khususnya orang Islam agar mentadabbur iaitu menggali, mendalami dan menghayati makna-makna al-Quran. Dalam mukadimah, penulis menzahirkan kekesalan apabila menyaksikan secara realitinya umat Islam tidak memberi perhatian serius terhadap proses tadabbur kitab suci agung ini. Lebih malang lagi 'penyakit' ini bukan sahaja tertimpah kepada orang awam bahkan merebak kepada ahli ilmu. Oleh kerana itu, ilmu-ilmu yang mereka hasilkan tampak seolah-olah terpisah daripada mesej dan pedoman al-Quran. Sedangkan kesemua ilmu-ilmu ini datang daripada sumber yang satu iaitu Tuhan Maha Esa. Menurut penulis

lagi, terdapat banyak ‘hijab’ yang telah menjadi penghalang untuk seseorang berinteraksi secara langsung dengan kalam Allah seperti yang telah dilakukan oleh generasi Islam terawal, iaitu generasi Nabi SAW dan para sahabat.

Justeru, bagi mengembalikan umat Islam ke landasan tadabbur dan menyingkap makna-makna al-Quran tersebut maka terhasillah karya ‘*Iqd al-Juman fi Taqwim Tadabbur al-Quran*’. Selain itu, buku ini juga telah mempersesembahkan sembilan prinsip dalam proses mendapatkan makna yang jelas daripada al-Quran iaitu (1) tidak menerima makna yang syaz atau ganjil dalam tafsir, (2) tidak menerima segala tafsiran yang berunsur *takalluf* atau mengada-ada, (3) tidak menerima sebarang tafsiran melainkan yang paling dekat dengan takwilan yang betul, (4) hendaklah takwilan menepati yang *muhkam* daripada al-Quran dan al-Sunnah, (5) mengutamakan tafsiran yang memiliki dalil sokongan, (6) takwilan yang serasi dengan *nizam al-Quran*, (7) tidak bercanggah antara suatu ayat al-Quran dengan ayat yang lain, (8) tidak mengalihkan makna zahir ayat semata-mata dengan dakwaan ‘dalil akal’ dan terakhir (9) tidak mengurangkan keserasian antara ayat dan makna.

MIAS menegaskan bahawa tadabbur al-Quran tidak memadai dengan menelaah dan mengutip apa sahaja yang ditulis dalam kitab-kitab tafsir yang sedia ada. Oleh itu, jalan terbaiknya adalah dengan berinteraksi secara langsung terhadap ayat-ayat al-Quran itu sendiri. Segala ‘hijab’ yang menjadi penghalang kepada kefahaman yang benar seperti riwayat-riwayat yang lemah, riwayat israiliyyat dan pendapat-pendapat yang tidak serasi dengan *nizam al-Quran* hendaklah ditapis. Menurut MIAS, ini adalah metode yang terbaik seperti yang diteladankan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.

Secara zahirnya prinsip-prinsip yang diketengahkan oleh MIAS seolah-olah tidak jauh berbeza dengan apa yang telah dirumuskan oleh ulama-ulama terdahulu. Namun yang membezakannya dengan yang lain adalah konsistensi terhadap prinsip-prinsip yang digariskan dan sikap kritis terhadap riwayat-riwayat tafsir. MIAS secara terus-terang bersikap skeptik dengan mereka yang bermudah-mudah dengan riwayat-riwayat lemah, palsu dan israiliyyat di atas nama tafsir *bi al-ma’tur*. Menurutnya, hasil penelitian menunjukkan kadar yang sahih dalam tafsir *bi al-ma’tur* adalah terlalu sedikit. Justeru, memberi autoriti secara berlebihan dengan syarat yang longgar terhadap penerimaan riwayat-riwayat dalam tafsir *bi al-ma’tur* akan menyebabkan seseorang mentafsirkan al-Quran menurut hawa nafsu.

Penelitian mendapati buku ini tidak sekadar mengulang apa yang telah ditulis dalam karya-karya yang terdahulu mahupun yang sedia ada. Pengulas merumuskan bahawa nilai tambah yang terdapat dalam karya ini dapat dikesan pada tiga aspek utama iaitu (1) aspek metodologi, MIAS telah membumikkan teori *nizam al-Quran* oleh al-Farahi, (2) aspek penghujahan, penulis telah membawa pembacanya agar menilai sesuatu tafsiran secara holistik dan integral berkaitan al-Quran dan ilmu-ilmu Islam yang lain, dan terakhir (3) aspek natijah, MIAS telah menampilkan *tarjih* (pilihan) beliau terhadap tafsiran-tafsiran yang dikemukakan oleh para ulama silam.

Justeru, para pembaca akan mendapati dalam karya ini penilaian semula terhadap pendapat-pendapat yang dinilai terpencil, kemudian diperkemas dengan hujah-hujah yang kaya dengan aspek *dirayah*. Tambahan lagi, setiap analisis dan kritikan yang beliau kemukakan kesemuanya berasaskan al-Quran sendiri sebagai sumber utama.

Dengan sikap yang konsisten terhadap prinsip-prinsip yang dirumuskan, tidak keterlaluan jika dikatakan MIAS bersikap terlalu berani dan nekad memilih tafsiran-tafsiran yang agak berbeza dengan majoriti. Sebagai contoh, tafsir-tafsir klasik biasanya menafsirkan perkataan *tamanna* dalam ayat 52 surah al-Hajj dengan makna ‘membaca’. Mereka juga akan membawa riwayat-riwayat yang dikenali sebagai kisah al-Gharaniq. Dalam riwayat tersebut menceritakan seolah-olah syaitan telah berjaya melemparkan tipu dayanya sehingga Rasulullah SAW telah menokok tambah ayat dalam surah al-Najm. Sebahagian ahli ilmu menyatakan bahawa syaitan memperdaya kaum musyrikin dengan menggunakan suara Rasulullah SAW seolah-olah ayat al-Quran memperakui syafaat berhalia *Al-Lat*, *Al-Uzza* dan *Manaat*. Menurut MIAS, *tamanna* dengan makna membaca adalah tafsiran yang *syaz* atau ganjil. Justeru, tiada keperluan memesongkan makna *tamanna* yang asal iaitu ‘bercita-cita’. Ayat 52 surah al-Hajj sebenarnya menjelaskan tentang perbezaan cita-cita para Nabi dan cita-cita para syaitan, yang merangkumi syaitan jin atau syaitan manusia. Para Nabi menginginkan hidayah dan kebaikan buat umatnya, manakala para syaitan menginginkan kesesatan dan kejahanatan buat pengikutnya. Justeru, ayat ini tiada kaitan langsung dengan kisah Al-Gharaniq yang menurut MIAS adalah batil.

Selain itu, antara contoh lain juga adalah kisah Nabi SAW bermasam muka kepada seorang lelaki buta iaitu Abdullah bin Ummi Maktum ketika berdakwah kepada para pembesar kafir Quraisy. Peristiwa ini kebiasaanannya menjadi latar belakang kepada penurunan Surah ‘Abasa. Majoriti ahli tafsir menetapkan bahawa *fa’il* (pelaku) dalam ayat pertama Surah ‘Abasa merujuk kepada Nabi Muhammad SAW. Justeru yang bermasam muka dan berpaling terhadap lelaki buta dalam ayat pertama itu ditujukan kepada Rasulullah SAW. MIAS mempersoalkan kesahihan tafsiran ini kerana terdapat banyak ayat al-Quran yang secara jelas memuji akhlak mulia Baginda SAW. Beliau juga telah melakukan *istiqra’* (induktif) terhadap perkataan ‘*abasa* (masam muka) dalam al-Quran yang menunjukkan kesemuanya ditujukan kepada orang kafir. Selain itu, *istiqra’* terhadap ayat-ayat yang menegur Rasulullah SAW semuanya menggunakan *dhamir mukhatab* (kata ganti diri kedua) yang berbeza dengan ayat pertama surah ‘Abasa yang menggunakan *dhamir ghaib* (kata ganti diri ketiga). Pada akhirnya MIAS merumuskan bahawa *fa’il* (pelaku) dalam ayat pertama Surah ‘Abasa sebenarnya merujuk kepada golongan kafir Quraisy. Justeru, yang bermasam muka dan berpaling diri daripada lelaki buta itu bukan Rasulullah SAW (A. Amin, 2022). Hal ini jelas lebih serasi dengan banyak ayat al-Quran yang memperakui akhlak mulia Rasulullah SAW dan sikap buruk pembesar-pembesar musyrikin Quraisy.

Selain itu, antara contoh yang dikemukakan ialah tafsiran lafaz *Ashab al-A’raf* dalam surah al-A’raf ayat 44 hingga 49. Sebahagian ahli tafsir menafsirkan bahawa mereka ialah golongan yang mempunyai berat timbangan yang sama banyak antara amalan baik dan buruk di hari akhirat. Justeru mereka ditempatkan di suatu kedudukan yang terpisah daripada syurga mahupun neraka. Menurut MIAS, tafsiran tersebut tidak sesuai dengan permulaan surah al-A’raf ayat 8 hingga 9 yang menyatakan bahawa di akhirat hanya ada dua golongan sahaja iaitu pertama, mereka yang berat timbangan kebaikan dan kedua, mereka yang ringan timbangan kebaikan. Justeru, untuk menambah golongan ketiga memerlukan nas yang setara dengan al-Quran. Malangnya riwayat-riwayat yang menjadi sandaran dalam hal ini adalah lemah. Tambahan pula ayat lapan surah al-A’raf sendiri menyatakan bahawa timbangan pada hari akhirat adalah benar dan tepat. Dari aspek *siyaq* (konteks) pula tafsiran seperti itu dinilai canggung kerana ayat empat puluh enam surah al-A’raf merakamkan ucapan salam *Ashab al-A’raf* kepada penduduk syurga. Maka persoalannya,

bagaimanakah golongan yang tidak pasti pengakhirannya sama ada ke syurga atau neraka dengan tenang hati memberi salam kepada penduduk syurga? Bukankah banyak ayat al-Quran yang menyatakan bahawa keadaan di hari akhirat sangat merisaukan. Setiap orang hanya mementingkan nasib diri sendiri tanpa menghiraukan adik-beradik, ibubapa, isteri atau anak-anak seperti yang dijelaskan dalam surah ‘Abasa ayat 34 hingga 37. Setelah melakukan kritikan dan analisis dari berbagai aspek, MIAS merumuskan bahawa *Ashab al-A’raf* adalah para Nabi dan Rasul. Mereka ditempatkan di *al-A’raf* iaitu suatu kedudukan yang tinggi sambil menyambut kedatangan penghuni-penghuni syurga. Dalam masa sama, mereka juga dapat menyaksikan para pelaku kezaliman dan penentang dakwah yang memasuki neraka.

Pengkaji mendapati karya ini mempunyai kekuatan dari aspek bahasa. MIAS berjaya menyeimbangkan antara bahasa yang puitis dengan mesej yang jelas. Kritikan-kritikan beliau juga biasanya dimulai dengan persoalan-persoalan yang berunsur provokatif. Pendekatan ini akan memberi kesedaran kepada minda para pembaca untuk melakukan semakan dan penilaian semula terhadap pandangan-pandangan yang konvensional dan biasa diterima seadanya.

Selain itu, karya ini juga kaya dengan contoh-contoh praktikal bagi setiap prinsip yang dikemukakan dan ditambah dengan analisis serta kritikan yang bersifat kritis, holistik dan integral. Justeru, pembaca akan dihidangkan dengan perbagai aspek perbahasan bagi tafsiran suatu ayat al-Quran, seperti (1) aspek bahasa iaitu nahu, sorof, balaghah dan *siyaq* (konteks) surah, (2) aspek *dirayah* seperti perbahasan *nasikh-mansukh*, *makki-madani* dan *asbab al-nuzul* serta (3) aspek riwayat iaitu mengenalpasti sama ada sesuatu riwayat dinilai *marfu'*, *mauquf* atau *mursal* dan lain-lain. MIAS menggunakan metode komparatif dengan menghimpunkan pendapat-pendapat ulama berkaitan tafsiran sesuatu ayat kemudian melakukan perbandingan.

Kekuatan karya ini juga terletak pada sikap konsistensi dalam menerapkan teori *nizam al-Quran*. Beliau tegas untuk menapis tafsiran-tafsiran yang bersandarkan riwayat yang lemah. Pengkaji dapat mengesan bahawa beliau juga cenderung meluaskan konsep riwayat yang lemah tanpa mendahului kaerah *tawfiq* (harmonisasi) antara al-Quran dan riwayat-riwayat berkaitan. Idea ini tidak jauh berbeza dengan idea yang dikemukakan oleh Taha Jabir (wafat: 1437 H) yang menekankan konsep “*Muraja’at Turath Bi Nur Al-Quran*” atau penilaian terhadap sesuatu karya menurut perspektif al-Quran (Al-'Alwani, 2017).

Secara jujurnya, pengulas merasakan buku ini telah dihasilkan dalam keadaan yang baik dan teratur. Namun begitu, sebagai manusia biasa ia tidak terlepas daripada kekurangan. Pengulas mendapati terdapat dua kekurangan yang boleh ditambah baik atau ditampung oleh pihak lain bagi menyempurnakan karya ini.

Pertama, karya ini didapati kurang menekankan aspek riwayat dalam penelitian. Tinjauan juga menunjukkan analisis dan kritikan terhadap riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* lebih tertumpu kepada aspek *dirayah*. Manakala analisis dan kritikan terhadap aspek sanad adalah terlalu ringkas. Menurut pengulas, keadaan ini membuka ruang untuk pengkaji-pengkaji lain agar melengkapkan analisis-analisis yang dilakukan oleh MIAS dengan menghususkan aspek sanad.

Kedua, karya ini didapati cuba untuk meringkaskan isi kandungannya dengan mengalihkan perbincangan ke buku-buku penulis sendiri atau rujukan-rujukan yang lain. Hal ini agak menyulitkan kerana buku-buku karya MIAS sukar didapati di Malaysia. Justeru, pengulas mencadangkan penambahbaikan dengan menukarkan isi-isi penting tersebut ke nota kaki.

Secara keseluruhannya, buku '*Iqd al-Juman fi Taqwim Tadabbur al-Quran*' adalah karya yang sangat baik dan bermanfaat khususnya bagi penuntut ilmu. Pengulas mencadangkan agar buku ini diberi perhatian oleh para pengkaji tafsir dan ulum al-Quran terutamanya di peringkat pascasiswazah. Hal ini kerana analisis dan kritikan yang dilakukan dalam buku ini memerlukan penguasaan terhadap ilmu-ilmu alat seperti nahu, sorof, balaghah dan usul al-feqh. Selain itu para pembaca juga hendaklah menguasai aspek-aspek teknikal dan istilah-istilah yang biasa digunakan dalam ulum al-Quran dan ulum al-hadith. Pengulas mengharapkan buku ini dapat membantu para pengkaji tafsir dalam memberi pendedahan tentang wacana *nizam al-Quran*.

Rujukan

- A. Amin, M. F. (2022). Kata Ganti Diri Dalam Surah 'Abasa Menurut 'Inayatullah Subhani. *Al-Takamul Al-Ma'rifi/ vol.5*, 13-25.
- Al-'Alwani, T. J. (2017). *Min Adab al-Ikhtilaf ila Nabz al-Khilaf*. Jordan: IIIT.
- Ibn Asyur, M. A.-T. (1997). *Tafsir Al-Tahrir wa Al-Tanwir*. Tunisia: Dar Suhnun.
- Subhani, 'Inayatullah Asad (2016) '*Iqd al-Juman fi Taqwim Tadabbur Al-Quran* Jordan: Dar Ammar.

Arif Amin bin Rushihi

Jabatan Usuluddin,
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah.